

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/8 / 2008

PATI: Tidak adil tuduh Dr. Mahathir

Um- 29/8/2008

KUALA LUMPUR 28 Ogos – Sebanyak 9,342 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memasuki Sabah tanpa dokumen perjalanan telah berjaya diberkas dalam tempoh Januari hingga Julai tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Abdul Aziz memberitahu, dalam tempoh yang sama sebanyak 154,798 warganegara asing telah memasuki negeri tersebut.

Tambahnya, kerajaan telah mengambil empat langkah bagi menghentikan kemasukan PATI ke Sabah.

“Empat langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah operasi penangkapan PATI, pengusiran pulang ke negara asal, memperketatkan kawalan di pintu-pintu masuk dan sempadan negara serta menggalakkan kerjasama, penyertaan dan kesedaran orang awam untuk membanteras PATI,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan asal **Datuk Eric Enchin Majimbun (BN-Sepanggar)** yang ingin tahu jumlah warganegara asing yang memasuki Sabah pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan tambahan **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** sama ada kerajaan mengetahui satu projek yang dinamakan Projek Mahathir di mana PATI diberi kerakyatan, Nazri menegaskan tuduhan Kit Siang itu adalah tidak adil kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir kerana beliau tidak ada di sini untuk menjawab tuduhan tersebut.

Tegas beliau, kerajaan tidak akan memberikan status kewarganegaraan kepada mana-mana orang yang tidak berhak untuk menjadi warganegara.

“PATI ini sebenarnya adalah pendatang haram, macam mana orang yang datang secara haram diberikan keistimewaan untuk menjadi warganegara,” katanya.